



Rujukan: UKM.PPI.800-1/3/21
Tarikh: 15 April 2020

PEKELILING CRIM BIL. 5/2020

Dekan/ Pengarah
Fakulti/ Institut/ Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr.,

PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN SECARA AUTOMATIK SELAMA TIGA (3) BULAN UNTUK SEMUA PROJEK PENYELIDIKAN DI BAWAH PROGRAM DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 7 April 2020 adalah berkaitan.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr. sedia maklum, susulan daripada ancaman wabak COVID-19 yang telah menimbulkan kebimbangan di Malaysia dan di seluruh dunia, YAB Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Ini disusuli PKP Fasa Kedua bermula mulai 1 April 2020 hingga 14 April 2020 dan PKP Fasa Ketiga bermula 15 April 2020 hingga 28 April 2020 di seluruh negara.

3. Sehubungan dengan ini, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Khas pada 30 Mac 2020 di peringkat UKM telah bersetuju untuk memohon pertimbangan pihak KPT bagi membenarkan pelanjutan tempoh projek selama tiga (3) bulan secara automatik bagi projek penyelidikan di bawah program dana penyelidikan KPT dan permohonan telah dikemukakan ke KPT pada 6 April 2020. KPT telah mempertimbangkan permohonan ini dan setelah mengambilkira akan kelangsungan penyelidikan yang terkesan akibat pelaksanaan PKP, pihak KPT telah memutuskan **tempoh penyelidikan bagi semua projek penyelidikan di bawah Progam Dana Penyelidikan KPT akan diberi pelanjutan selama tiga (3) bulan secara automatik. Ini melibatkan projek-projek yang berstatus aktif pada 17 Mac 2020.** Pelanjutan tempoh penyelidikan yang diberikan ini adalah tidak melibatkan sebarang pertambahan kos penyelidikan.



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>



4. Tarikh tamat projek penyelidikan yang terlibat akan dipinda secara automatik dalam sistem MyGRANTS. Sehubungan itu, semua penyelidik yang berkenaan perlu melihat dan merancang semula carta perbatuan (milestone) serta membuat pindaan selari dengan tarikh tamat baharu melalui sistem ini (jika perlu). Pihak CRIM akan mengeluarkan pemakluman sekiranya sistem telah sedia untuk pengemaskinian carta perbatuan (milestone).

5. Manakala dalam Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU), pihak teknikal akan mengemaskini tarikh pelanjutan bagi projek-projek yang terlibat pada Perkara (3) secara penjanaan SMPU. Ketua projek tidak perlu lagi membuat permohonan pelanjutan projek dengan pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) dan Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™).


6. Sekiranya projek penyelidikan dapat diselesaikan lebih awal dari tarikh pelanjutan yang diberi, Ketua Projek boleh membuat permohonan penamatan awal melalui SMPU dengan mengikuti langkah berikut:

- i. Daftar masuk SMPU (<https://appsmu.ukm.my/smpu/index.php>).
- ii. Klik profil individu.
- iii. Klik pengurusan projek individu.
- iv. Klik senarai projek.
- v. Pada pilihan 'TINDAKAN', klik pada kod projek yang ingin ditamatkan.
- vi. Lengkapkan borang permohonan penamatan projek.
- vii. Klik simpan dan hantar permohonan.

6. Sukacita YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr. dapat memaklumkan perkara ini kepada penyelidik yang terlibat di PTj masing-masing. Pihak CRIM amat berharap semoga dengan pemberian pelanjutan masa selama tiga (3) bulan ini akan dapat membantu penyelidik untuk meneruskan perancangan yang terganggu dan dapat mencapai sasaran projek yang telah ditetapkan dan seterusnya memberi impak kepada negara. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, penyelidik boleh berhubung dengan pihak CRIM melalui emel kepada Puan Siti Noraida Binti Sood (ctaida@ukm.edu.my) atau Cik Siti Fatin Nabilah Abdullah Halim (fatin_nabilah@ukm.edu.my).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>

s.k.

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Pengarah
Pusat Inovasi dan Pemindehan Teknologi (INOVASI@UKM™)
- Pengarah
Pusat IDEA UKM

Berlampir:



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>





Ruj. Kami : JPT.S(BPKI)2000/09/01/04 Jld. ()
Tarikh : 7 April 2020

EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBrs. Prof./Dr.,

PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN SECARA AUTOMATIK SELAMA TIGA (3) BULAN UNTUK SEMUA PROJEK PENYELIDIKAN DI BAWAH PROGRAM DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana YBrs. Prof./Dr. sedia maklum, susulan daripada ancaman wabak COVID-19 yang telah menimbulkan kebimbangan di Malaysia dan di seluruh dunia, YAB Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Ini disusuli PKP Fasa Kedua bermula mulai 1 April 2020 hingga 14 April 2020 di seluruh negara.

3. Setelah mengambil kira akan kelangsungan penyelidikan yang terkesan akibat pelaksanaan PKP, **tempoh penyelidikan bagi semua projek penyelidikan di bawah Program Dana Penyelidikan KPT akan diberi pelanjutan selama tiga (3) bulan secara automatik. Ini melibatkan projek-projek yang berstatus aktif pada 17 Mac 2020.** Pelanjutan tempoh penyelidikan yang diberikan ini adalah tidak melibatkan sebarang pertambahan kos penyelidikan. Tarikh tamat projek penyelidikan yang terlibat akan dipinda secara automatik dalam sistem MyGRANTS. Sehubungan itu, semua penyelidik yang berkenaan perlu melihat dan merancang semula carta perbatuan (milestone) serta membuat pindaan selari dengan tarikh tamat baharu melalui sistem ini (jika perlu). Semoga pelanjutan ini akan menjamin kelangsungan serta keberhasilan projek penyelidikan yang sedang dijalankan dan seterusnya memberi impak kepada negara.

4. Kerjasama dari pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada para penyelidik yang terlibat serta mengesahkan pindaan proposal dalam sistem MyGRANTS tersebut. Pihak Kementerian juga memohon agar pematuhan arahan PKP terus diambil berat oleh semua pihak bagi memastikan rantaian Wabak COVID-19 dapat diputuskan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. DATO' DR. MUHAMMAD FAUZI BIN MOHD. ZAIN)
b.p Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi